

19/02/2004

Angin perubahan di Permatang Pauh

Ridzuan Yop

"JIKA Umno mampu meletakkan seorang calon yang berwibawa, tidak ada sebab kenapa Umno tidak mampu kembali merampas kawasan Parlimen Permatang Pauh," kata seorang pemerhati politik di Pulau Pinang.

Katanya, undi simpati saja tidak cukup bagi Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail, untuk mempertahankan kerusinya kerana Permatang Pauh kini sudah banyak berubah sejak Pilihan Raya Umum 1999 lalu.

"Saya tidak terkejut kalau Umno menang besar dalam pilihan raya kali ini di Permatang Pauh jika Umno terus meningkatkan kewibawaannya sebagai satu-satunya parti yang mampu membela nasib orang Melayu," katanya yang yakin dengan kekuatan Umno negeri untuk kembali merampas kerusi berkenaan.

Dengan kedudukan parti Keadilan yang semakin goyah berikutan ramai ahlinya yang kembali menyertai Umno, tentunya membuatkan Wan Azizah tidak senang duduk.

Terbaru, seramai 12 ahli Keadilan termasuk 'orang kuat' yang menjadi antara pengasas parti itu lebih lima tahun lalu, bertindak kembali ke pangkuan Umno atas kepercayaan terhadap kepemimpinan, dasar dan agenda Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kemasukan 12 bekas ahli Keadilan itu dalam Umno sekali gus memberikan tamparan hebat kepada parti pembangkang itu untuk mempertahankan kerusi yang mereka menangi dalam pilihan raya lalu.

Jika ramai pemimpin pengasasnya sanggup keluar parti dan menyertai Umno apatah lagi ahli peringkat akar umbi yang langsung tidak nampak hala tuju jelas perjuangan Keadilan selepas lima tahun ditubuhkan.

Kemerosotan sokongan menjadi bertambah parah apabila 'Perhimpunan 100,000 Rakyat' yang dianjurkan parti itu di Permatang Pauh, Sabtu lalu bagi kempen membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak mendapat sambutan. Dianggarkan tidak lebih 3,000 orang menghadirinya, walaupun program itu sudah dijaja di seluruh negara.

Menurut pemerhati politik itu lagi, kepemimpinan Abdullah sendiri selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang begitu meyakinkan sejak mengambil teraju negara, pada Oktober tahun lalu daripada Tun Dr Mahathir Mohamad.

Persoalannya, apakah isu pemecatan Anwar akan terus relevan dengan perjuangan Keadilan untuk terus diterima rakyat semata-mata atas dasar simpati atau marah kepada pihak tertentu yang menyebabkan beliau dipecat.

Yang jelas Umno kini berada dalam kedudukan lebih selesa berbanding Keadilan yang berhadapan dengan masalah dalaman akibat ramai ahlinya yang bertindak keluar parti sama ada secara terbuka atau senyap-senyap.

Permatang Pauh kini dianggap sebagai benteng terakhir hidup matinya Keadilan. Jika Wan Azizah selaku Presiden Keadilan tewas di Permatang Pauh, harapan untuk melihat parti itu terus mendapat sokongan rakyat pasti berkubur.

Atas keyakinan untuk merampas kembali Permatang Pauh, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang, Datuk Dr Hilmi Yahaya, menetapkan kriteria yang lebih khusus bagi memastikan calon itu bukan saja diterima ahli Umno tetapi yang lebih penting diterima penduduk setempat.

Hilmi yang juga Timbalan Ketua Menteri, menjelaskan antara kriterianya ialah calon itu tidak mempunyai rekod peribadi yang buruk, menjadi penduduk asal kawasan itu dan dapat diterima semua lapisan rakyat.

"Kita (Umno) akan memberi keutamaan terhadap calon yang mempunyai

kriteria seperti itu untuk menjadi calonnya bagi merampas semula kerusi Parlimen Permatang Pauh daripada pembangkang dalam pilihan raya akan datang.

"Ini kerana pengundi di kawasan itu lebih menerima calon tempatan kerana mudah hendak ditemui di samping mampu bekerja," katanya.

Apapun, Permatang Pauh ibarat `idola' kepada kumpulan pejuang reformasi yang sudah tentu akan memastikan Umno tumbang bagi membuktikan bahawa Permatang Pauh masih kubu kuat Keadilan.

Kawasan Permatang Pauh sebelum Anwar sudah dikuasai oleh Umno sejak sekian lama, tetapi akibat perbalahan dalam Umno Pulau Pinang, kesempatan itu digunakan oleh Pas merampas kawasan itu buat pertama kalinya pada pilihan raya 1978.

Pas melalui calonnya Allahyarham Zabidi Ali berjaya mengalahkan calon Barisan Nasional (BN) daripada Umno, seorang peguam Allahyarham Ariffin Daud.

Bagaimanapun, Pas hanya mampu kekal di kawasan itu hanya satu penggal kerana pada pilihan raya 1982, Umno meletakkan Anwar sebagai anak tempatan kelahiran Ceruk Tok Kun untuk merampas semula Permatang Pauh dari tangan Pas.

Namun semuanya berubah apabila Anwar dipecat daripada Umno pada September 1998. Sebahagian besar ahli Umno di kawasan berkenaan dan pengundi atas pagar yang bersimpati dengan Wan Azizah, kemudiannya memilih beliau sebagai Ahli Parlimen kawasan itu bagi menggantikan suaminya.

Faktor ahli Umno berpaling tadah ketika pilihan raya lalu itu diakui oleh bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Ibrahim Saad yang menentang Wan Azizah di Permatang Pauh.

"Ketika kempen Pilihan Raya Umum 1999, jentera pilihan raya Umno seperti tidak wujud...langsung tidak bergerak... ada bantuan yang disalurkan kepada jentera Umno sebaliknya digunakan bagi membantu Keadilan.

"Yang jelas orang Umno tidak mengundi orang Umno... ketika itu ada antara 25,000 hingga 26,000 ahli Umno di bahagian Permatang Pauh, jika mereka semua mengundi Umno ketika itu sudah pasti calon Umno boleh menang," katanya.

Akibat perbuatan sabotaj itu, Dr Ibrahim yang ketika itu Timbalan Menteri Pengangkutan tewas kepada Wan Azizah dengan majoriti 9,077 undi dengan Wan Azizah mendapat 23,820 undi dan Dr Ibrahim (14,743 undi).

Dua lagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Parlimen Permatang Pauh turut jatuh kepada Pas (Permatang Pasir) dan Keadilan (Penanti), sementara Seberang Jaya kekal kepada Umno.

Berdasarkan sejarah dan pengalaman lalu, Dr Ibrahim yang kini Ketua Penaja Umno Bahagian Batu Kawan, mahu setiap ahli Umno serta bekas ahli Umno untuk kembali memberi sokongan padu kepada calon Umno yang akan bertanding di kawasan Parlimen Permatang Pauh.

"Orang Melayu Pulau Pinang adalah kecil dan mereka tidak boleh terus berpecah ... jika berpecah suara mereka akan menjadi bertambah kecil dan tidak akan ada siapa yang akan mempedulikan nasib mereka.

"Jika Keadilan hanya mampu menang satu kerusi atau Pas menang satu kerusi di Pulau Pinang ia tidak akan membawa apa-apa makna kerana ia tidak akan membawa suara majoriti," katanya.

Sehubungan itu, beliau tidak menolak Keadilan akan meneruskan kempen memainkan sentimen simpati bagi meraih undi daripada pengundi di kawasan Permatang Pauh dalam pilihan raya kali ini.

"Saya cuma berharap jentera Umno tidak leka kerana sentimen simpati itu akan terus dimainkan dalam kempen pilihan raya kali ini yang mungkin masih boleh mempengaruhi pengundi," katanya.

Namun dalam pemerhatian beliau ketika berada di kawasan Permatang Pauh, sudah ada banyak perubahan antaranya jumlah bendera Keadilan yang dipasang

tidak banyak seperti beberapa tahun lalu.

"Ia mungkin angin perubahan yang baik... tapi jentera ahli Umno kawasan Permatang Pauh tidak boleh berasa selesa dengan keadaan itu," katanya.

Yang menarik Pulau Pinang sekali lagi bakal menjadi tumpuan dalam pilihan raya kali ini bukan saja di Permatang Pauh, tetapi juga di Parlimen Kepala Batas yang bakal ditandingi Abdullah buat pertama kali sebagai Perdana Menteri.

Selain itu, kemungkinan kembalinya bekas Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang (kini Pengerusi DAP) dan Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh untuk terus mencuba nasib bertanding di Pulau Pinang selepas kalah teruk dalam pilihan raya umum lalu masing-masing di Bukit Bendera dan Jelutong.

Apapun, jika Umno mahu merampas kembali kerusi Permatang Pauh, tidak ada cara terbaik lain, melainkan memenangi semula hati pengundi kawasan itu dengan memilih calon yang ikhlas untuk membantu mereka dan meyakinkan pengundi bahawa simpati saja tidak cukup untuk memajukan orang Melayu di Pulau Pinang.